

SIARAN AKHBAR

Daripada Sylke Becker
Telefon +49 69 756081-33
Faks +49 69 756081-11
E-mel s.becker@vdw.de

EMO Hannover 2013 – Pertukangan logam diperagakan di pameran perdagangan yang penuh manfaat

Kuala Lumpur, 15 Januari 2013. – EMO Hannover kembali lagi dari 16 hingga 21 September 2013. Para pengeluar teknologi perkilangan antarabangsa akan memperagakan produk, penyelesaian dan perkhidmatan masing-masing yang bertemakan, “Kepintaran Pengeluaran” semasa pameran perdagangan pertukangan logam yang terunggul di dunia ini.

“Dengan tema Kepintaran Pengeluaran ini, EMO Hannover mengemukakan kepada pakar bidang seluruh dunia cara-cara terbaik mengatasi cabaran-cabaran perkilangan hari ini dan hari esok,” kata Encik Christoph Miller, Pengarah Urusan EMO Hannover dari pihak penganjur EMO, iaitu VDW (Persatuan Pembina Perkakas Mesin Jerman) di Frankfurt, Jerman, semasa sidang akhbar EMO pada 15 Januari 2013 di Kuala Lumpur. “EMO ialah pameran sedunia. Sesiapa sahaja yang ada hubung kait dengan perkakas mesin berkumpul di sini: pembuat keputusan pelaburan dari pelbagai industri, peneraju pasaran teknologi perkilangan global, saintis dan para pegawai politik. Pembekal antarabangsa mengemukakan inovasi terbaru kepada pelanggan mereka. EMO Hannover memberikan kesan penentu terhadap bidang perkilangan pada tahun-tahun yang akan datang,” kata Encik Miller seterusnya.

Lebih daripada 2,000 buah syarikat telah menyertai pameran EMO yang lepas, iaitu pada tahun 2011. Antaranya, 60 peratus peserta bukan dari negara Jerman sendiri tetapi sebaliknya dari 40 negara lain sekitar dunia. Sejumlah

407 pempamer berasal dari rantau Asia sahaja. “EMO Hannover ialah pusat pertemuan yang penting bagi pengilang perkakas mesin yang ingin menjalankan perniagaan pada peringkat antarabangsa,” tegas Encik Christoph Miller. Pengguna perkakas mesin juga menemui teknologi perkilangan yang tepat dan rakan-rakan niaga yang pakar di Hannover. Begitu juga bagi pengilang kelompok dan pengeluar produk terpiawai.

Pada tahun 2011, seramai 140,000 pakar bidang dari 100 lebih negara datang menyaksikan tawaran yang ada semasa EMO Hannover. Nisbah pengunjung luar negeri ialah 36 peratus, dan jumlah pengunjung bukan Eropah menunjukkan pertumbuhan yang mendadak, khususnya dari Asia.

EMO Hannover – sidang kemuncak teknologi perkilangan antarabangsa

EMO Hannover adalah suatu acara gilang-gemilang. Ini menjadikannya menarik bagi pakar bidang antarabangsa dan juga bagi pempamer.

Ruang pameran bersih seluas 180,000 meter persegi memastikan bahawa setiap pengunjung mendapat pandangan yang meluas mengenai teknologi perkilangan pintar dalam bidang perkakas mesin potong dan bentuk, sistem perkilangan, perkakas persis, teknologi pengukuran, aliran bahan berautomasi, teknologi berbantuan komputer, kejuruteraan alat pengawal dan pemacu serta aneka aksesori. Ketelitian penganjuran pameran ini mengikut bidang produk penting juga memudahkan para pengunjung menemui tempat pameran yang paling ingin dilihat dengan cepat.

Keluasan dan kemasyhuran EMO sebagai acara antarabangsa yang terpenting bagi industri pertukangan logam mendorong pempamer memperagakan mesin-mesin yang begitu besar dan begitu banyak sekali. Pengunjung boleh melihat dan menyentuh sesuatu produk, serta mengetahui apa yang boleh dilakukan oleh produk itu dan kelebihan yang ditawarkannya. Semasa EMO Hannover 2011, sejumlah 47,000 tan metrik mesin dan barang pameran telah diangkut ke pusat pameran.

Pameran EMO Hannover adalah suatu tarikh yang tetap bagi para pelanggan seluruh rangkaian nilai bidang pertukangan logam. Para pesertanya khususnya datang dari industri automotif dan ruang angkasa, kejuruteraan mekanikal dan kilang, kejuruteraan elektrik, kejuruteraan dan optik persis, pemprosesan logam, teknologi perubatan dan banyak lagi.

Kira-kira dua pertiga daripada pakar bidang yang hadir semasa EMO yang lepas ialah peserta industri logam, khususnya kejuruteraan mekanikal dan kilang serta industri automobil. Dua cabang industri ini membentuk golongan terbesar pengguna perkakas mesin, iaitu 66 peratus daripada pasaran. Ramai lagi pelanggan dari industri automobil antarabangsa datang pada tahun 2011 khususnya, iaitu sektor yang sedang melabur di seluruh dunia untuk meluaskan kemampuan pengeluaran dan ke dalam model-model baru serta teknologi enjin dan pemacu.

EMO terus menarik minat pengunjung baru. Pada tahun 2011, 45 peratus pengunjung ke pameran EMO di Hannover ialah pengunjung kali pertama. Ini bersamaan dengan kira-kira 63,000 bakal pelanggan baru untuk para pempamer.

EMO Hannover ialah forum inovasi dan pelaburan yang terbesar

Pakar pengeluaran datang ke Hannover dengan harapan yang tinggi terhadap EMO sebagai forum inovasi pertukangan logam yang terpenting di dunia. Ini juga pencapaian penting bagi pempamer kerana mereka membuat persiapan dengan bersungguh-sungguh untuk mempamerkan mesin dan kemajuan terbaru kepada seluruh pasaran. Mereka menganggap EMO Hannover sebagai peluang yang unik, tidak sama dengan mana-mana acara lain seluruh dunia, untuk menonjolkan dan menapak diri masing-masing seiring dengan pesaing mereka, kepada khalayak antarabangsa. "Setiap seorang memberikan usaha yang terbaik," kata Encik Miller.

Syarikat-syarikat perkilangan, sama ada yang mengeluarkan barangan pengguna, kenderaan, alat perubatan atau teknologi tenaga, menghadapi cabaran-cabaran yang serupa hari ini di seluruh dunia. Pelanggan mereka sendiri pun mengharapkan aneka produk berkualiti tinggi yang berharga murah, yang dikilangkan dengan kesan yang sekecil-kecilnya terhadap persekitaran, tanpa mengira lokasi pengeluaran. Bagi pengilang perkakas mesin, ini bermakna fleksibiliti, kualiti yang lebih baik dan konsep pengeluaran baru yang boleh menggunakan bahan-bahan seperti titanium dan bahan komposit, dan mesin-mesin yang menjimatkan sumber. Selain itu, dalam banyak keadaan, seluruh reka bentuk mesin termasuklah perkakas, alat kawalan, komponen pemacu, alat pengukur dan sambungan IT sedang dikaji semula. Mengoptimalkan penyepaduan mesin atau sistem pengeluaran ke dalam seluruh proses pengeluaran adalah suatu sumber kemajuan dalam bidang-bidang ini.

Bilangan besar pembuat keputusan pelaburan dalam kalangan pengunjung EMO menandakan bahawa EMO digunakan secara intensif sebagai suatu pentas pelaburan. Menurut tinjauan tahun 2011, tiga perempat daripada pengunjungnya menganggap diri mereka sebagai terlibat dengan keputusan yang dibuat tentang pelaburan syarikat mereka. Lebih daripada dua pertiga pengunjung Eropah dan tiga perempat pengunjung bukan Eropah datang ke Hannover dengan rancangan pelaburan yang kukuh. Tinjauan dalam kalangan pempamer pula menunjukkan bahawa EMO menyediakan penyelesaian yang mencukupi untuk mereka. Ada antara mereka menyatakan jualan mesin yang amat laris. Kontrak-kontrak yang bernilai sekurang-kurangnya AS\$6.3 bilion telah ditandatangani semasa pameran perdagangan tersebut, dan tempahan perkakas mesin antarabangsa dalam masa enam bulan sahaja selepas EMO Hannover meningkat kepada tahap yang setanding dengan seluruh tahun sebelumnya, meskipun dengan kemerosotan ekonomi dunia.

Perkakas mesin berperanan penting dalam perkilangan pintar

Banyak tugas dan cabaran yang menanti, biar bagaimanapun situasi ekonomi. Perkembangan sekitar kota raya dan keperluan yang meningkat terhadap infrastruktur yang lebih baik, keperluan pergerakan yang teratur, kos barang mentah yang meningkat, permintaan yang semakin mendesak terhadap pemakanan, perubahan demografi dan keperluan perkhidmatan kesihatan yang baik adalah antara perkara penting yang berpengaruh. Industri ini perlu membuat sumbangan yang nyata supaya dapat menyelesaikan isu-isu ini, dan perkakas mesin berperanan penting dalam pengeluaran perindustrian. Jika ekonomi global pulih semula pada tahun 2013, seperti yang dijangka oleh pakar ekonomi, teknologi perkilangan moden dan Kepintaran Pengeluaran akan lebih dikehendaki.

Inilah sebabnya semua peserta dan pelanggan sektor ini menanti-nantikan EMO Hannover, yang sekali lagi akan menjadi tumpuan dunia pertukangan logam pada bulan September 2013. Encik Christoph Miller dari VDW merumuskannya begini: "Pelanggan industri perkakas harus mengunjungi pameran EMO kerana tiada acara lain yang menghimpunkan pakar pertukangan logam antarabangsa yang begitu berprestij. Dan tiada tempat lain yang mempamerkan begitu banyak inovasi seperti di Hannover. Pengeluar perkakas mesin juga perlu mengambil bahagian dalam EMO kerana tiada destinasi lain yang dapat menarik begitu ramai pembuat keputusan pelaburan dari seluruh dunia."

Teks dan imej sidang akhbar EMO boleh didapati dalam talian di www.emo-hannover.de/presseservice.
Anda juga boleh melayari halaman-halaman media sosial EMO.

http://twitter.com/EMO_HANNOVER http://twitter.com/EMO_HANNOVER



<http://facebook.com/EMOHannover>



<http://www.youtube.com/metaltradedfair>



<http://linkedin.com/company/emo-hannover>



<http://www.cnc-arena.com/emohannover>